



JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
Bahagian Pembangunan Mahasiswa
Aras 5, No.2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5,
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Prof. Ahmad
File ur-urutan
Amidi
AMIDI BIN ABDUL MANAN
DEKAN
BHG. PEMBANGUNAN PELAJAR DAN MAHASISWA
UNIVERSITI MALAYSIA PUTRAJAYA
Tel: 603-8870 6521
Faks: 603-8870 6847 / 6878
Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>

Rujukan Kami : JPT (HEP)1000/01/02/034Jld.19(19)

Tarikh : 14 Mei 2018

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

**JEMPUTAN UNTUK MENYERTA PROGRAM PENCARIAN PELAJAR WANITA
UNIVERSITI TERBAIK MALAYSIA 2018**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Syarikat SMALLTREE SDN. BHD. merupakan syarikat tempatan Malaysia yang julung kali mendapat lantikan sepenuhnya dari Pengerusi Jawatankuasa Pusat *World Miss University* untuk menganjurkan *World Miss University (WMU) 2018* atau "Program Pencarian Pelajar Wanita Universiti Terbaik Dunia 2018" kali ke-29. Pertandingan ini telah dianjurkan sejak tahun 1986 bersempena dengan sambutan "Tahun dan Hari Keamanan Sedunia" yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang telah dipersetujui oleh 157 buah negara pada Mesyuarat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke-36 pada tahun 1981.

3. Dimaklumkan bahawa Syarikat SMALLTREE SDN. BHD. dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi akan menganjurkan program "Pencarian Pelajar Wanita Universiti Terbaik Malaysia 2018 (peringkat kebangsaan) dan peringkat antarabangsa. Program peringkat kebangsaan akan melibatkan semua universiti awam dan swasta di seluruh Malaysia. Maklumat berkenaan program adalah seperti berikut:

PERINGKAT KEBANGSAAN:

Pendaftaran peserta: Bermula 2 Mei 2018 hingga 31 Mei 2018 (secara atas talian)

Peringkat akhir : Bermula 23 Julai hingga 26 Julai 2018

Tempat : akan dimaklumkan kemudian (Kuala Lumpur)

Peserta akhir : 50 orang pelajar

PERINGKAT ANTARABANGSA:

Tempoh program : 5 – 28 November 2018

Peringkat Akhir : 28 November 2018

Tempat : Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)

Peserta akhir : 125 orang pelajar

4. Untuk makluman, pertandingan ini diadakan bertujuan untuk mencari pelajar wanita yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang tinggi, cemerlang dalam akademik dan ko-kurikulum serta berpersonaliti menarik. 3 orang pemenang peringkat kebangsaan akan mewakili Malaysia ke peringkat antarabangsa. Pemenang peringkat antarabangsa akan dilantik menjadi duta keamanan di bawah *United Nation (UN WMU Peace Corp Ambassador)* yang akan terlibat dalam program-program kemanusiaan dan kemasyarakatan.


5. Sehubungan dengan itu, pihak penganjur dengan sukacitanya menjemput semua universiti awam dan swasta untuk menghantar penyertaan dan menjayakan program ini. Bersama-sama ini disertakan **keterangan program (Lampiran A)** dan **poster** untuk rujukan dan hebahan ke institusi masing-masing.

Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(PROF. MADYA DR. SOPIAN BIN BUJANG)

b.p. : Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi

Bahagian Pembangunan Mahasiswa

Jabatan Pendidikan Tinggi

Kementerian Pendidikan Tinggi

s.k.:

- 1. KPPT**
- 2. TKPP(IPTA)**
- 3. TKPP(IPTS)**
- 4. YBrs. Dr. Dzulfakar Abdullah**
Pengerusi
World Miss University Malaysia National Organizing Committee
SmallTree Sdn. Bhd
No. C1-1-3 1 Ayer 8, Jalan P8G
8C1, Presint 8
62250 PUTRAJAYA

Lampiran A


KETERANGAN PROGRAM

Bil.	Perkara	Keterangan	Catatan
1.	Pendaftaran	Semua peserta boleh mendaftarkan diri secara atas talian di laman web rasmi www.wmumalaysia.com	Bermula 2hb Mei – 31 Mei 2018 (mengikut jumlah penyertaan semasa)
2.	Laman Web Rasmi	www.wmumalaysia.com	
3.	Proses penyertaan peserta	<p>1. Daftar di laman web rasmi (secara atas talian) di www.wmumalaysia.com</p> <p>2. Peserta akan menerima emel dari pihak penganjur berkenaan syarat-syarat penyertaan, terma dan syarat serta kaedah bayaran bagi yuran penyertaan.</p> <p>3. Semua peserta akan melalui sistem undian atas talian (dibuka kepada semua rakyat Malaysia untuk mengundi) di laman web rasmi.</p> <p>4. Semua peserta akan disaring oleh para juri dan mengikut jumlah undian untuk ke peringkat separuh akhir.</p> <p>5. Para peserta diminta untuk berkongsi gambar-gambar dan video rakaman aktiviti mereka di bilik kuliah dan semasa aktiviti berpersatuan (memenuhi 8 elemen yang telah ditetapkan- <i>leadership, peace, knowledge, humanity, fitness, virtue, friendship, intelligence</i>).</p> <p>6. Para peserta perlu menyerahkan dokumen-dokumen/Salinan sijil-sijil berkaitan/surat lantikan kepada pihak penganjur.</p> <p>7. Finalis akan menyertai program selama 4 hari 3 malam di hotel dan kawasan sekitar Lembah Klang untuk beberapa tugas sebelum ke malam penganugerahan.</p> <p>8. 3 orang pelajar terbaik akan dipilih untuk mewakili Malaysia ke peringkat antarabangsa.</p>	<p>2hb Mei -31 Mei 2018</p> <p>Dijangka bermula 20 Jun 2018</p> <p>23 Julai -26 Julai 2018</p>

4.	Syarat penyertaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Umur tidak melebihi 26 tahun (bujang/berkahwin) 2. Jantina:Perempuan 3. Warganegara Malaysia / Status Penduduk Tetap. 4. Tiada sebarang had penyertaan bagi setiap universiti dan kolej (sekurang-kurangnya menghantar seorang wakil). 5. Para peserta Muslim dibenarkan untuk berhijab dan berpakaian sopan mengikut syariat Islam. 6. Para peserta bukan beragama Islam akan diberi tatacara berpakaian yang sopan mengikut status pelajar universiti. 7. Semua peserta perlu mematuhi tatacara berpakaian yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur. 8. Berpengetahuan luas dalam isu-isu semasa. 9. Kos penyertaan adalah RM 300.00 bagi setiap pelajar. Ini akan meliputi kos pertandingan sehingga tamat. 10. Keputusan juri adalah muktamad 	
5.	Pegawai untuk dihubungi	<p>Cik Nik Munirah Bt Nik Murzaini Pegawai Perhubungan Universiti dan Kelab WMU No.Tel: +603 8861 7997 Tel Bimbit: +6011-19974205 Emel:nik.munirah@wmumalaysia.com atau ask@wmumalaysia.com</p>	

PENCARIAN PELAJAR WANITA UNIVERSITI TERBAIK MALAYSIA

WORLD MISS UNIVERSITY MALAYSIA 2018



**Adakah Anda?
Berkepimpinan Tinggi
Cemerlang Dalam Akademik
Berpersonaliti Menarik**

Hadiah

- Wang Tunai + Hadiah Sampungan bernilai RM10,000
- Mewakili Negara ke Peringkat Akhir WMU 2018
- Mewakili Universiti Sebagai Duta WMU Malaysia
- Menerima Tajaan Biasiswa Antarabangsa Untuk Melanjutkan Pelajaran ke Luar Negara

Terma & Syarat

Daftar atas talian di www.wmumalaysia.com
Tarikh tutup penyertaan pada 31 Mei 2018
Yuran Penyertaan adalah RM300

DAFTAR SEKARANG

Layari
www.wmumalaysia.com
facebook.com/WMUMalaysia
instagram.com/wmu_malaysia



DIANJURKAN OLEH: **WORLD MISS UNIVERSITY MALAYSIA**, **IAUP**, **SMALL TREE**, **NH NADHARTANAH CONSULTANT**

PENJAJAR DESEMBAH: **TOUREM MALAYSIA**

DIBOKONG OLEH: **Milaysia 2023**, **F8BUZZ**

RUMAH MEDIA: **RADIO KASIH! im4Ufm 107.9**, **PERUNGING PROFESIONAL! positiveimage**, **Elsee**, **miHAZ**

PRHAJA: **Janariah Zurahli & Co.**, **Regale Outdoor**